KETUA HAKIM NEGARA
MAHKAMAH PERSEKUTUAN
MALAYSIA
PUTRAJAYA

CHIEF JUSTICE
FEDERAL COURT
MALAYSIA

KHN.0042 Jld 2
15 Februari 2021

YA Hakim
Mahkamah Tinggi
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi Seluruh Malaysia

**ARAHAN KETUA HAKIM NEGARA**
**BILANGAN 4 TAHUN 2021**
**PENERIMAAN DOKUMEN PEMBUKTIAN BAHAWA PEMPETISYEN ADALAH ORANG YANG BERKELAYAKAN UNTUK DITERIMA MASUK SEBAGAI PEGUAM BELA DAN PEGUAM CARA**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 16A Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] yang diubah suai melalui Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 [*Akta 829*], saya mengeluarkan Arahan ini bagi memperuntukkan berhubung dengan penerimaan dokumen bagi membuktikan bahawa pempetisyen adalah orang yang berkelayakan untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara seperti yang berikut:



Istana Kehakiman, Aras 5, Presint 3, 62506 Putrajaya
Tel : 03-88803502 Fax : 03-88803507

**PEMAKAIAN**

2. Arahan ini terpakai bagi permohonan oleh pempetisyen untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak.

**TAFSIRAN**

3. Dalam Arahan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"dokumen" termasuk surat, instrumen, dsb.;

"Lembaga" ertinya Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang yang ditubuhkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi di Malaya dan Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak;

"orang yang berkelayakan" ertinya mana-mana orang yang mempunyai kelayakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta 166, *Advocates Ordinance [Sabah Cap. 2]* atau *Advocates Ordinance [Chapter 110 (1958 Edition)]* untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara; dan

"pempetisyen" ertinya orang yang membuat permohonan untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara

melalui suatu petisyen kepada Mahkamah dan disahkan dengan afidavit.

**PENERIMAAN DOKUMEN PEMBUKTIAN BAHAWA PEMPETISYEN ADALAH ORANG YANG BERKELAYAKAN**

4. Walau apa pun peruntukan undang-undang bertulis yang berkaitan berhubung dengan perkara ini dan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta 829, Mahkamah boleh membenarkan apa-apa dokumen yang telah dikeluarkan secara sah oleh—

(a) Lembaga; atau

(b) mana-mana institusi pengajian tinggi atau institusi yang disebut dalam Akta 166 atau perundangan subsidiari yang diperbuat di bawahnya, *Sabah Cap. 2* atau *Chapter 110 (1958 Edition)*,

bagi maksud membuktikan bahawa pempetisyen adalah orang yang berkelayakan untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara untuk dilampirkan pada afidavit permohonan penerimaan masuk, sebagai ganti kepada sijil kelayakan yang dikeluarkan oleh Lembaga, institut pengajian tinggi atau institusi tersebut.

**PENGEMUKAAN DOKUMEN LANJUTAN**

5. Walau apa pun peruntukan yang terkandung dalam Arahan ini, Mahkamah boleh mengarahkan supaya pempetisyen mengemukakan dokumen lanjutan sebagai dokumen sokongan kepada dokumen yang

dirujuk di perenggan 4 bagi membuktikan bahawa pempetisyen adalah orang yang berkelayakan untuk diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara.

**TARIKH PERMULAAN KUAT KUASA**

6. Arahan ini mula berkuat kuasa pada **16 Februari 2021**.

**TUN TENGKU MAIMUN BINTI TUAN MAT**
Ketua Hakim Negara
Istana Kehakiman
Putrajaya

**SALINAN KEPADA**:

YAA Hakim Besar Malaya
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

YBhg. Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara Malaysia
No. 45, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya

Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Timbalan Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Malaya
Istana Kehakiman
Putrajaya

Pendaftar
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak
Kota Kinabalu
Sabah

Pustakawan
Mahkamah Persekutuan
Istana Kehakiman
Putrajaya

Yang Dipertua
Majlis Peguam Malaysia
Kuala Lumpur

Presiden
*Sabah Law Society*
Sabah

Presiden
*Advocate Association of Sarawak*
Sarawak